

07/03/2002

TPM marah, malu tahanan lari dari lokap

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata beliau amat malu dan marah apabila mendengar berita dua penjenayah melarikan diri dari lokap Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor di Shah Alam, kelmarin.

Timbalan Perdana Menteri yang ketika itu menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Brisbane, Australia, berkata kejadian itu tidak sepatutnya berulang.

Sehubungan itu, beliau yang pulang ke tanah air malam tadi, memanggil Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari, bagi memberi penjelasan mengenai kejadian itu.

"Saya menyatakan perkara ini tidak sepatutnya berlaku, tetapi sudah berlaku lagi...dan tindakan mesti diambil segera.

"Mereka yang bertanggungjawab menyebabkan perompak ini melepaskan diri mestilah dikenakan tindakan disiplin secara serta merta," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani Surat Akujanji anggota pentadbiran Pusat di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Dalam kejadian di Shah Alam itu, dua lelaki yang ditahan berhubung siasatan kes rompakan bas Airport Coach ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 22 Februari lalu, bolos melalui lubang pendawaian elektrik dan pendingin hawa.

Kira-kira 500 anggota polis dilaporkan dikerah memburu kedua-dua perompak terbabit. Berikutan kejadian itu, empat anggota polis, iaitu seorang berpangkat lans koperal dan tiga konstabel, digantung tugas serta-merta.

Kejadian itu berlaku hanya selepas dua hari 11 tahanan lari dari tahanan di Balai Polis Kota Tinggi, Johor. Sebelum ini, beberapa insiden yang sama turut berlaku termasuk kes ketua Geng Mamak, Mohd Yusod Abu Bakar lari dari kawalan anggota polis di Melaka.

Abdullah yang memberi taklimat mengenai kejadian itu serta tindakan yang diambil polis kepada jemaah menteri hari ini berkata, antara langkah yang akan diambil segera ialah mendirikan pusat tahanan pusat yang tidak boleh dibolosi serta dilengkapi alat pemantauan di setiap daerah.

Katanya, siasatan rapi juga sedang dijalankan bagi mengetahui punca lain mengapa anggota polis berkenaan cuai ketika mengawal penjenayah terbabit.

"Kita juga menyiasat bagaimana perkara ini boleh berlaku kerana mustahil mereka tidak tahu, sedangkan perompak memecahkan siling lokap. Takkan tak dengar mereka pecah siling dan merangkak keluar," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung, berkata Kementerian Dalam Negeri (KDN) sudah diarah memperbaiki dan meningkatkan ciri keselamatan lokap serta bilik tahanan semua balai polis bagi mengelak kejadian itu berulang.

Katanya, KDN diminta memberi peruntukan sewajarnya dan melaksanakan segera kerja berkenaan termasuk pemasangan kamera litar tertutup (CCTV).

"KDN sudah menerima arahan daripada Timbalan Perdana Menteri supaya memastikan semua lokap dan bilik tahanan polis diberikan peruntukan bagi meningkatkan ciri keselamatan dalam masa terdekat ini," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Duta Besar China ke Malaysia, Hu Zhengyue di pejabatnya di sini, Chor berkata, polis akan mengemukakan cadangan itu kepada KDN.

"Peruntukan yang akan digunakan untuk memperbaiki dan menaik taraf lokap

itu akan diluluskan segera bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan di lokap," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Bukit Aman mengarahkan semua ketua polis daerah (KPD) mengemukakan laporan harian mengenai tahanan di kawasan masing-masing kepada ketua polis negeri.

Jamil, dalam satu kenyataan hari ini, turut mengarahkan KPD memberi perhatian peribadi bagi mengelak kes penjenayah melarikan diri berulang.

Beliau juga berkata semua lokap akan diperiksa semula bagi membolehkan kerja pembaikan dan meningkatkan tahap keselamatan dilakukan serta merta.

Katanya, polis sedang membuat penilaian untuk menggunakan alat kawalan dan pemantauan elektronik serta teknologi terkini bagi meningkatkan sistem kawalan dan keselamatan di lokap sebelum dikemukakan kepada KDN.

"Ibu Pejabat Polis Bukit Aman percaya kejadian orang tahanan lari dari lokap seperti yang berlaku boleh dielakkan," katanya sambil menambah siasatan menunjukkan sistem kawalan orang tahanan yang digunakan masih sesuai dan mencukupi.

(END)